

Headline **Majlis Raya**  
Date **10. Oct 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **16**  
Article Size **244** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **7506.27**



**MAJLIS RAYA...** Hampir 300 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menghadiri majlis hari raya anjuran pelajar semester III 2008/09, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Kolej Kelima universiti tersebut, malam semalam.

Pada majlis tersebut, para pelajar juga berpeluang mengikuti ceramah *Imej dan Gaya Ekspresi Penampilan Profesionalisme Siswa Siswi Masa Kini* yang disampaikan oleh perunding imej, Bon Zainal dan pengacara *Nona TV3*,

Fizza Sabjahan.

Turut hadir ialah Pengetua Kolej Pendita Za'aba, Dr. Muhammad Pauzi Abd. Latif, Pengarah Urusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia, Zahariah Abd. Kadir dan Pengarah Eksekutif Casa Impian, Khairul Annuar Rahman.

Sementara itu, pengarah program, Gazali Zainal berkata, program tersebut bertujuan mendedahkan pelajar kepada pembinaan imej dan penampilan diri dalam persediaan membina kerjaya.

● **BON Zainal** menerangkan cara-cara penampilan kepada para pelajar ketika membuat memberi ceramah bertajuk *Imej dan Gaya Ekspresi Penampilan Profesionalisme Siswa Siswi Masa Kini* di UPM, Selangor, malam semalam.